

Kepakaran perubatan USIM digerakkan di luar bandar

SEREMBAN 19 April - Kepakaran dalam bidang perubatan yang dimiliki oleh Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan digunapakai bagi membolehkan masyarakat di negeri ini terutamanya di kawasan luar bandar dapat menikmatinya.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan menjelaskan kerajaan negeri bersedia untuk menjalinkan kerjasama berkenaan menerusi Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Fakulti Perubatan untuk melaksanakan program kesihatan.

Jelas beliau, ini termasuklah perkhidmatan kesihatan dan pergigian yang mana ditawarkan kepada golongan warga emas selaras dengan dasar kerajaan negeri menerusi Sayang Warga Tua yang dilancarkan dua tahun lalu.

"Kita mahu pastikan supaya masyarakat luar bandar melibatkan warga emas ini mendapat manfaat. Kadang kala mereka di kawasan kampung ini ada yang tidak menerima bantuan dan apa yang mereka mahukan mungkin juga berkaitan kepakaran dalam bidang perubatan.

"Apabila kita sudah betul-betul bersedia, kita akan membuat satu klinik pakar bergerak yang mana

pakar-pakar perubatan dari USIM akan datang membawa perkhidmatan itu kepada masyarakat setempat," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan penyerahan 50 buah basikal kepada USIM di Nilai, dekat kelmarin.

Yang turut hadir Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan; Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor Husin dan Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad.

Jelas beliau, kajian yang dilakukan oleh Universiti Malaya (UM) mendapati masalah yang dihadapi di kawasan luar bandar lebih berkisar kepada masalah pergigian, penglihatan dan kesukaran untuk berjalan.

"Malah kita juga mendapat kerjasama pakar-pakar perubatan dari pihak USIM yang mana secara sukarela mewakafkan masa dan perkhidmatan mereka," katanya

Dalam majlis berkenaan, sebanyak 50 buah basikal diserahkan kepada pihak USIM bernilai RM40,000 yang disumbangkan oleh Perbadanan Menteri Besar (MBI).



MOHAMAD HASAN (kanan) bersama Abdul Shukor Husin (dua dari kiri), Musa Ahmad (kiri) dan Mat Ali Hassan (tiga dari kiri) menunjukkan isyarat bagus selepas menyampaikan 50 buah basikal kepada USIM di Kompleks Sukan USIM, Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini. - UTUSAN/ABD. RAZAK AID